

Kerajaan perlu dibenar capai akaun pegawai rasuah: PM

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan harus dibenarkan mencapai akaun bank asing milik ahli politik atau pegawai yang disyaki mengamalkan rasuah sama seperti apa yang dilakukan terhadap akaun mereka yang disyaki pegganas.

Perdana Menteri berkata, sebilangan besar negara kini menjadi syurga selamat wang haram kerana undang-undang perbankan tidak membenarkan pendedahan maklumat mengenai transaksi perbankan.

“Jika kita boleh melakukannya terhadap wang pegganas, mengapa tidak dengan wang ahli-ahli po-

Malaysia bukan syurga selamat bagi wang haram tetapi ia tempat selamat untuk menyimpan tabungan

litik ataupun pegawai-pegawai yang rasuah,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika sesi dialog di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia di sini.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menyeru masyarakat kewangan antarabangsa supaya mengharamkan amalan perbankan seperti itu di semua negara.

“Baru saya rasa, kita

akan dapat menghentikan aliran wang haram dan wang rasuah untuk didepositkan di negara-negara tertentu,” katanya.

Beliau berkata, walaupun terdapat sedikit kemajuan berhubung kerahsiaan akaun wang haram, ia masih belum mencukupi.

Katanya, Malaysia sendiri pernah menghadapi masalah dalam mendapatkan maklumat mengenai

wang haram milik individu tertentu kerana diberitahu yang peraturan perbankan sedia ada tidak membenarkan pendedahan akaun pelanggan mereka.

Dr Mahathir berkata, ini menyebabkan mereka yang bersalah kerana mengumpulkan wang secara haram untuk terlepas daripada tindakan undang-undang.

“Kerahsiaan sistem perbankan kita kurang,” katanya sambil menegaskan Malaysia bukan syurga selamat bagi wang haram tetapi ia tempat selamat untuk menyimpan tabungan.

Mengenai penerimaan bon yang diterbitkan kerajaan, katanya, masyarakat pelaburan antarabangsa menerimanya dengan baik walaupun

ada antara mereka sebelum ini mengutuk dasar negara.

Menyentuh ketelusan pembiayaan parti politik, Dr Mahathir berkata, cara parti politik barat dibiayai bukan mudah untuk diamalkan serta merta di sini.

Katanya, penyesuaian kepada kaedah demokrasi barat oleh negara Asia bukan mudah kerana de-

mokrasi telah diamalkan di barat sebelum negara Asia menggunakannya.

Dr Mahathir berkata, parti politik memerlukan wang untuk berkempen dan untuk mempromosikan diri mereka.

“Saya masih belum menemui satu negara yang ahli-ahli politiknya tidak menerima derma dalam cara tertentu,” katanya. – Bernama